

*Pustaka*  
5



# ADALAH USAHA KITA....



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# ADALAH USAHA KITA...



PUSTAKA PERDANA



1010128



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



*Tan Sri Ghazali Shafie,  
Menteri Halehwal Dalam Negeri*

**terjemahan wawancara**  
**MALAYSIAN BUSINESS**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**P**ENGGANAS komunis itu telah mengelencong dari perjuangannya secara bersembunyi-sembunyi dan mereka juga telah mendapati, kata Tan Sri Ghazali Shafie dalam suatu wawancara khas dengan Malaysian Business mengenai keadaan keselamatan, bahawa tindakan bersenjata adalah merupakan suatu barisan tiga penjuru yang diselaraskan — bersenjata, barisan bersatu komunis dan kegiatan-kegiatan bawah tanah dalam suatu usaha yang serentak.

Kekuatan mereka di dalam dan di luar Malaysia kini berjumlah 2,054 orang. Cuma kira-kira 250 orang telah menyusup balik ke Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang, dan sentiasa bertempiran dalam kumpulan-kumpulan kecil jauh di dalam hutan dan di pinggir-pinggir hutan. Beberapa operasi keselamatan telah dijalankan. PKM sendiri mempunyai sejarah persengketaan dalam parti, dan apa yang dinamakan

Jawatankuasa Pusatnya, oleh kerana mengesyaki ramai orang baharu terdiri daripada ejen-ejen Kerajaan, telah mengarahkan pemerintah-pemerintah rejimen membunuh kesemua orang baharu. Dua rejimen telah berpecah dari badan induk mengenai soal ini.

Oleh itu terdapat tiga buah parti komunis yang berasingan, tiap-tiap satu mengatakan yang lainnya itu sebagai revisionist. Tidak syak lagi ancaman kepada negara adalah serius, tetapi dapat dibendung dan kedudukan kita untuk mengendalikannya adalah lebih baik dari keadaannya tiga empat tahun dahulu. "Saya percaya", katanya, "kita akan dapat membendung, mengurung serta mengendali ancaman komunis terhadap Malaysia." Menteri itu telah menyebut suatu senarai yang menarik mengenai kecelakaan di pihak pengganas komunis.

Tidak ada pertentangan di antara dasar anti-pengganas komunis Kerajaan dengan dasar persahabatan dengan negara-negara komunis. Tetapi kita tidak akan membiarkan apa jua angkara dari sebarang negara yang mengganggu hالهالw rumah tangga atau sistem negara kita. Apabila Parti Komunis China mengirim perutusan tahniah kepada PKM bersempena dengan suatu hari ulangtahunnya, Kerajaan China telah diingatkan akan jaminan tidak mengganggu yang diberikan secara peribadi dan terang jelas kepada Tun Razak dalam rundingan-rundingan yang telah diadakannya di Peking. Jika benar-benar ada keinginan hendak mendirikan hubungan yang memenafaatkan di antara kedua negara dan rakyat maka gangguan-gangguan seperti itu mestilah dihentikan.

Kuala Lumpur adalah "benar-benar sebuah kilang khabar angin", kata Tan Sri Ghazali. Pelabur-pelabur, dalam atau luar negeri, sering membuat pertimbangan terhadap Malaysia

dengan berpandukan khabar-khabar angin yang tersebar di Kuala Lumpur dan ramai di antara pemberita-pemberita, terutamanya yang berkhidmat dengan akhbar asing, cukup pandai mengada-adakan sesuatu.

Setengah-setengah kesulitan itu mungkin dapat diatasi, Tan Sri Ghazali mengesyorkan, jika Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia mahu menubuhkan sebuah yunit penerangan untuk menjadi pusat penjelasan bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh para pelabur. Wawancara tersebut bermula dengan suatu pertanyaan secara langsung mengenai keganasan komunis. Walaupun masalah ini mengisi sebahagian besar perhatiannya, beliau keberatan mengatakan masalah ini merupakan masalah utama.

Wawancara itu berlangsung sejurus sebelum berpulanginya ke Rahmatullah Tun Haji Abdul Razak di London.

Kini Tan Sri Ghazali ialah Menteri Halehwal Dalam Negeri. Beliau pernah beberapa tahun lamanya menjadi seorang pegawai kanan di Negeri Sembilan sebelum dilantik pada tahun 1957 menjadi Persuruhjaya Tinggi Malaysia yang pertama ke India. Apabila kembali ke tanahair, beliau menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri, seorang anggota Suruhanjaya Cobbold yang meninjau keanggotaan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia, dan Menteri Halehwal Dalam Negeri merangkap Menteri Penerangan pada tahun 1973, dan sebelum itu Menteri Tugas-Tugas Khas merangkap Menteri Penerangan.

Beliau menjadi ahli Majlis Gerakan Negara yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak dalam tempoh penggantungan kerajaan berparlimen selepas rusuhan tahun

1969. Beliau diberi tugas menyeliai fungsi-fungsi Jabatan Perpaduan Negara. Pada tahun 1974 beliau memenangi kerusi parlimen bagi Kuala Lipis tanpa bertanding.

● **Tan Sri, apakah masalah-masalah kepercayaan dalam lapangan perniagaan yang kita hadapi hari ini? Adakah masalah pengganas komunis merupakan masalah utama?**

Barang sudah tentu jika saya seorang pelabur, terutamanya jika saya seorang pelabur asing, banyak perkara yang saya bimbangkan. Saya akan berasa bimbang mengenai bom-bom yang meletup di beberapa tempat. Saya akan berasa bimbang mengenai anggota-anggota angkatan tentera yang terbunuh dan hilang upaya disebabkan oleh jerangkap-jerangkap samar. Saya akan berasa bimbang mengenai pegawai-pegawai polis kena bunuh dan pembunuhnya tidak kena hukum. Dan saya akan memandang segalanya ini dalam konteks Indo-China. Kemudian saya akan berasa bimbang mengenai pertentangan dalam dasar-dasar Kerajaan, penyampaian dan perlaksanaanya; saya akan berasa bimbang bersabit dengan khabar-khabar angin yang tersebar mengatakan rusuhan kaum akan berlaku; dan saya akan berasa bimbang jika saya dapat tahu akan perpecahan di dalam parti yang memerintah, yang mungkin menimbulkan keadaan politik yang tidak stabil.

Sungguhpun begitu, jika saya pandang segalanya ini bukan sebagai seorang pelabur tetapi seorang Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam yang tahu akan keadaan maka saya akan berkata masalah pengganas komunis mengisi sebahagian besar perhatian saya tetapi saya keberatan mengatakan masalah itu merupakan masalah utama. Masalah perhubungan kaum mendapat perhatian yang sama berat dari saya.



## ● Kenapa Tan Sri berkata begitu?

Agaknya elok saya sebutkan begini supaya saya tidak disalahfahamkan. Sudah barang tentu saya memberikan perhatian berat kepada keadaan keselamatan, tetapi kebimbangan saya mengenai kegiatan-kegiatan pengganas komunis hari ini adalah kurang dari dalam tahun 1972 dahulu walaupun pada masa itu keadaan nampaknya tenang sahaja.

Selepas lebih dari sepuluh tahun bersembunyi di dalam hutan di seberang sempadan, pergerakan pengganas komunis telah dapat mendirikan semula kekuatan bersenjata. Berilhamkan perubahan-perubahan politik yang pesat di negara-negara tetangga, mereka perlu menaikkan semangat orang-orangnya sendiri dan agar rakyat merasai mereka masih ada selepas sekian lama menghilang diri maka mereka terpaksa menghidupkan kembali perjuangan bersenjata dengan mengeluarkan Arahan Jun 1968 untuk dilaksanakan.

Semenjak tahun 1969, apa yang dinamakan Tentera Pembebasan Kebangsaan Malaya (TPKM), iaitu cawangan bersenjata apa yang dinamakan PKM, telah menyusup balik ke Semenanjung Malaysia secara bersembunyi-sembunyi. Tugas permulaannya ialah untuk mendapatkan kembali sokongan rakyat bagi membekalkan maklumat perisikan, makanan untuk dikumpulkan di tempat-tempat simpanan dan mendapatkan orang-orang baharu. Tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 yang di luar dugaan itu telah memberikan mereka suatu daya penggerak untuk memulakan suatu pendekatan yang lebih agresif bagi mendapatkan sokongan yang lebih besar dari kaum-kaum yang terlibat. Bagaimanapun, rancangan ini telah terbantut kerana peristiwa itu cepat dapat dikawal dan keadaan pun pulih seperti sediakala.

Baharu-baharu ini, apa yang dinamakan PKM itu telah mengelencong dari perjuangannya secara bersembunyi-sembunyi dan ia juga telah mendapati bahawa tindakan bersenjata sahaja tidak boleh mencapai banyak kemajuan. Oleh itu ketua-ketuanya mengusulkan pelaksanaan suatu "barisan tiga penjurong yang diselaraskan", iaitu bersenjata, barisan bersatu komunis dan kegiatan-kegiatan bawah tanah dalam suatu usaha yang serentak.

Apa yang dinamakan PKM itu mempunyai sejarah persengketaan dalam parti dan kebuntuan di kalangan pucuk pimpinannya. Dalam tahun 1967, apa yang dinamakan Jawatankuasa Pusat PKM telah mula syak mengatakan ramai di antara orang-orang baharu yang diambil semenjak tahun 1962 terdiri daripada ejen-ejen Kerajaan. Ketua-Ketua tersebut berasa cemas lalu mengeluarkan suatu arahan kepada semua pemerintah rejimen menyuruh mereka membunuh semua orang baharu seperti itu. Semua rejimen telah menjalankan perintah itu kecuali Rejimen ke-8 dan Daerah ke-2 Rejimen 12 yang berpecah dari parti induk PKM setelah berlaku pertelingkahan yang berlarutan mengenai soal ini. Kedua kumpulan yang engkar ini telah menamakan dirinya PKM Revolutionary Faction PKMRF (bekas Rejimen ke-8) dan PKM Marxist-Leninist (PKM M—L) (bekas Daerah ke-2 Rejimen 12) dan bergerak secara bebas.

Kumpulan Marxist-Leninist bukannya pro-Soviet seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar yang menyebut suatu ulasan yang dikatakan telah dibuat oleh Ketua Polis Negara di London. Ini adalah semata-mata rekaan pihak wartawan itu. Oleh itu kita ada tiga parti komunis yang berasingan di negara ini, tiap-tiap satu mengatakan yang lainnya sebagai revisionist.

## ● Bagaimanakah kekuatan penganas-penganas komunis itu?

Kekuatan bersenjata penganas-penganas komunis itu di dalam dan di luar Malaysia ialah 2,054 orang. Pecahannya mengikut kaum adalah seperti berikut: rakyat Malaysia keturunan China 732; rakyat Malaysia keturunan Melayu 107; rakyat Malaysia keturunan India 2; Orang Asli Malaysia 11; rakyat Malaysia keturunan China yang mengaku dirinya mualaf 23; orang Thai 7; rakyat Thai keturunan China 661; orang Islam Thai 509; Jepun 2.

Cuma kira-kira 250 orang penganas sahaja telah menyusup balik ke Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang. Kebanyakan mereka itu bergerak dalam kumpulan-kumpulan kecil di kawasan-kawasan tertentu dalam Negeri-Negeri ini di pengkalan-pengkalan yang jauh di dalam hutan dan di pinggir-pinggir hutan. Mereka sentiasa lari kerana diburu dan diharu oleh Pasukan Keselamatan. Sayugia diperhatikan bahawa penganas-penganas itu hanya telah sampai ke bahagian barat Pahang sahaja.

Pada masa ini penganas-penganas itu sebok dengan kerja propaganda untuk mendapatkan sokongan rakyat keseluruhannya. Selain daripada ini, mereka telah melakukan angkara-angkara seperti sekali sekala menyerang-hendap pasukan-pasukan kecil peronda Pasukan Keselamatan, dan sasaran-sasaran yang kurang pengawasannya di projek-projek Kerajaan yang terpencil serta juga menjalankan pengkhianatan yang kecil dan membunuh anggota-anggota Polis dengan bantuan anasir-anasir bawah tanah.

## ● Apakah langkah-langkah balas yang diambil oleh Kerajaan?

Banyak langkah-langkah balas telah diambil untuk mencegah kegiatan-kegiatan oleh unit-unit penggempur penganas itu semenjak saya diberikan tanggungjawab ini dalam bulan Ogos 1973. Dan langkah-langkah tersebut telah mencapai kejayaan, terutamanya seperti "Operasi Gonzales" di Perak dan "Operasi Indra" di Pahang di mana sebilangan daripada mereka telah benar-benar mati kebuluran disebabkan oleh kekurangan makanan, iaitu bukan sahaja dari segi pembasmian bahkan juga dari segi penghancuran organisasi, perantaraan perhubungan, bekalan makanan dan hubungan mereka dengan orang ramai. Ini telah menyebabkan kemunduran besar kepada mereka dan akibatnya mereka tidak dapat mara jauh lagi ke selatan atau berkembang ke lain-lain Negeri.

Untuk mematahkan penguasaan penganas komunis ke atas rakyat jelata, beberapa gerakan keselamatan telah juga dijalankan di seluruh kawasan yang terlibat untuk memutus, menghapus dan mencegah kader-kader dan penyokong-penyokong bawah tanah mereka dari mempengaruhi serta menguasai rakyat. Di antaranya ialah "Op Setia", "Op Sedar", "Op Bina" dan "Op Ginseng" yang telah berjaya menghancurkan sistem orang suruhan, perantaraan perhubungan, rangkaian perisikan, salur-salur bekalan makanan dan sokongan lojistik mereka serta juga membinasakan alat-alat percetakan haram mereka dan terjumpanya dokumen-dokumen penting.

Disebabkan oleh tekanan-tekanan langkah balas Kerajaan yang tidak berhenti-henti dijalankan terhadap anasir-anasir bawah tanah penganas komunis itu maka pertubuhan barisan

bersatunya telah tidak dapat memulakan kembali kegiatan-kegiatan di lapangan politik, perburuhan dan belia semenjak dihancurkan pada tahun 1969. Meskipun demikian, penganas komunis itu akan cuba seberapa daya apabila ada sahaja kesempatan untuk mencapai matalamat "barisan tiga penjurong yang diselaraskan" mereka. Kerajaan cukup sedar akan strategi komunis ini dan segala usaha serta jentera telah disusun rapi untuk mematahkannya.

● **Tan Sri tidak menyebut tentang Sarawak. Bolehkah Tan Sri beri sedikit ulasan mengenai kegiatan-kegiatan penganas komunis di sana?**

Minta maaf, tetapi memang begitulah hajat saya. Semasa Darurat sedang memuncak di Sarawak dari tahun 1969 hingga 1972 Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) mempunyai kekuatan seramai kira-kira 900 orang pejuang. Tekanan yang sentiasa dikenakan oleh Pasukan Keselamatan terhadap penganas-penganas PKKU itu, dengan sokongan Tentera Indonesia, telah menimpakan kerugian yang teruk ke atas PKKU. Sebagai hasil dari suatu gerakan perang saraf yang dijalankan oleh Cawangan Khas Polis dengan persetujuan saya, ketua-ketua mereka telah meminta untuk kembali ke pangkuan masyarakat beramai-ramai bersama dengan orang-orang bawahnya. Ini berlaku pada penghujung tahun 1973. Dari 569 orang penganas yang kembali ke pangkuan masyarakat itu cuma 85 orang sahaja lagi yang masih ditahan dan mereka ini akan dibebaskan apabila tamat kursus pemulihan mereka.

Masih ada lagi bertaburan yunit-yunit penganas yang degil yang berjumlah kurang dari 150 orang di dalam hutan yang tidak mahu keluar menyerah diri. Mereka sentiasa lari untuk mengelakkan dari bertembung dengan Pasukan Keselamatan dan kita terus memburu mereka.

## ● Tan Sri, berbalik kepada gambaran keseluruhannya.....

Tidak syak lagi ancaman penganas komunis ke atas Malaysia adalah serius, tetapi ancaman ini dapat dibendung. Dalam hubungan ini kedudukan kita mengendalikan mereka adalah lebih baik sekarang dari tahun 1972 dahulu. Ini adalah kerana kita tahu akan siapa mereka, tempat, cara operasi, tujuan dan dasar musuh itu. Kita juga sedar bahawa kegiatan-kegiatan penganas bandar yang kerap berlaku kebelakangan ini seperti pembunuhan, pengkhianatan, penyebaran risalah, mungkin telah menimbulkan sedikit sebanyak kecemasan dan perasaan putus harap di kalangan orang ramai.

Bagaimanapun, kejadian-kejadian ini bukanlah berupa petunjuk bertambahnya kekuasaan komunis; ia dicituskan sebagai ekoran dari kegagalan penganas-penganas itu dalam usaha hendak memajukan pergerakan pembebasan mereka. Ia juga adalah sebahagian dari usaha propaganda dan perang saraf mereka untuk menaikkan semangat orang-orangnya sendiri yang kian merosot, untuk menakutkan anggota-anggota yang telah goyang pendiriannya dan untuk menarik perhatian orang ramai agar tahu bahawa mereka masih lagi berupa suatu pasukan pejuang yang kuat. Kegiatan-kegiatan seperti ini tidak sayugia dinamakan perang gerila bandar, tetapi hendaklah dianggap sebagai keganasan bandar untuk tujuan perang saraf dan propaganda semata-mata kepada pergerakan penganas itu. Sekiranya bilangan bom yang meletup di sebuah bandar itu menentukan masadepan sesebuah negara maka London hari ini tentulah telah diperintah oleh IRA.

Bolehkah saya katakan begini..... Bolehkan saya katakan bahawa sesudah enam tahun penganas-penganas komunis itu belum juga mencapai matalamatnya. Mereka belum dapat ber-

tapak, apalagi hendak membebaskan barang seinci bumi di mana-mana bahagian negara ini. Pada kebanyakan masa mereka terpaksa lari mengelak dari diburu oleh Pasukan Keselamatan. Tidak sama keadaannya dengan apa yang dilakukan oleh komunis di Vietnam di mana Vietcong dapat bertapak sambil mereka mara melawan pasukan-pasukan Kerajaan. Tanpa kemudahan-kemudahan asas, tanpa kegiatan-kegiatan barisan bersatu dan tanpa pasukan penyerang, tidak ada kuasa revolusiner, walau bagaimana berapi-api sekalipun, yang dapat menggulingkan sebuah Kerajaan, terutamanya sebuah Kerajaan rakyat seperti Kerajaan kita ini.

Saya percaya kita akan dapat membendung, mengurang dan mengendali ancaman komunis terhadap Malaysia, Insya Allah.

● **Apakah terdapat sebarang bukti yang senjatapi dibekalkan dari Indo-China kepada pengganaspengganas komunis di Malaysia?**

Setakat ini, minta simpang, yang kita ketahui tidak ada pembekalan senjata sungguhpun kita ada maklumat pasti bahawa ada beberapa jenis senjata tertentu yang boleh didapati dengan cara membeli dari peniaga-peniaga senjata secara gelap yang bergerak di luar negara ini. Kita tidak ada maklumat setakat ini yang mengatakan adanya suatu dasar untuk membekalkan senjata kepada apa yang dinamakan PKM oleh pertubuhan-pertubuhan sealiran di Indo-China.

● **Kenapa pula demikian?**

Samada pihak perisik kita belum mendapati apa-apa maklumat

seperti itu ataupun memang tidak ada dasar seumpama itu. Kerana mungkin menasabah juga bahawa pertubuhan-pertubuhan revolusiner di Indo-China itu boleh jadi tidak ingin melihat pertumbuhan sebuah pergerakan lain secara tidak terbatas yang mungkin akan membantutkan sebarang rancangan untuk menegakkan kekuasaannya sendiri di Asia Tenggara. Ataupun, mungkin ada keinginan yang jujur pada pihak tiap-tiap orang yang berkenaan sama-sama tidak mahu mengganggu halehwal dalam negeri yang lainnya di Asia Tenggara. Mungkin juga kita, yakni Kerajaan, Pasukan Keselamatan bersama dengan rakyat, setakat ini telah berjaya menafikan apa yang dipanggil PKM dan kumpulan pecahannya itu dari membina momentum yang dianggap oleh pertubuhan-pertubuhan sealiran, dan ini tidak semestinya dari Indo-China sahaja, sebagai sudah sampai masanya untuk diberikan bantuan kebendaan.

● **Oleh kerana banyak dari apa yang Tan Sri perkatakan itu belum diterangkan sedemikian dan rakyat mungkin percaya akan apa yang mereka lihat, bolehkah Tan Sri sarankan secara tegas apa yang Tan Sri dapat tunjukkan kepada orang ramai agar mereka boleh percaya seperti Tan Sri?**

Saya adalah di antara mereka-mereka yang berpegang kepada PERCAYA DAHULU BAHARU NAMPAK oleh kerana apa yang saya lihat dengan mata saya tidak semestinya selalu mencerminkan keadaan yang sebenarnya. Apabila orang menema sesuatu kedudukan tertentu sebagai keadaan yang sebenarnya, sebagai satu kenyataan yang tidak dipersoalkan lagi, maka kenyataan yang berasingan itu tidak akan dapat dikenali. Mungkin mata kita dapat melihat suatu kenyataan yang berasingan, tetapi itu adalah suatu perkara yang sesuai dibincangkan dalam bidang ilmu metafisika.



Bagaimanapun, untuk menjelaskan apa yang saya maksudkan marilah kita ambil pembinaan jalan sebagai contohnya. Adalah diterima sebagai suatu kenyataan bahawa Kerajaan telah membuat keputusan iaitu bagi tujuan pembangunan di sebuah kawasan tertentu sebatang jalan terpaksa dibina. Jurutera-jurutera telah diarahkan bekerja dan kerja itu dijangka boleh siap pada suatu tarikh yang ditetapkan. Sudah tentulah jika berlaku banjir atau gempa bumi yang menengahkan kerja itu maka ia adalah diterima sebagai suatu kenyataan bahawa kejadian itu adalah bencana alam.

Dan begitulah caranya orang memandang Lebuhraya Timur-Barat, Empangan Temenggor dan Jambatan Banding — yang kebetulan pula apabila siap kelak, pada pandangan saya, akan merupakan salah sebuah jambatan yang paling indah di dunia. Adalah diterima sebagai suatu kenyataan bahawa segala projek ini akan siap mengikut rancangan sekiranya terhindar dari bencana alam. Tidak ada siapa yang terlintas pada fikirannya bahawa projek-projek ini adalah sangat-sangat dibenci oleh penganas-penganas komunis, dan mereka itu akan berbuat apa sahaja untuk membantut kerja-kerja pembinaannya oleh kerana lebuhraya dan empangan raksaksa itu akan memutuskan jalan mereka dari pengkalan-pengkalan yang selamat di sebelah perbatasan.

Kecuali beberapa gangguan yang kecil-kecil, kerja-kerja projek ini berjalan dengan lancar. Orang-orang Jepun yang membina empangan itu sedang bekerja issyoken-mei-ni (bersungguh-sungguh) untuk menyiapkannya mengikut jadual, sementara pembina-pembina jambatan dari Korea pula sedang berusaha membuktikan bahawa mereka boleh menyiapkan jambatan tersebut sebelum air mula naik. Jurutera-jurutera jalanraya bertungkus-lumus bekerja dari kedua pangkal

lebuhraya itu dengan tujuan agar kerja-kerja pembinaan itu akan bertemu di tengah-tengahnya. Jika kita bernasib baik jurutera-jurutera tersebut tidak pula bertemu maka kita akan mempunyai dua batang Lebuhraya Timur-Barat yang sejajar!!

Walaupun pengganas-pengganas komunis begitu membencinya, bagaimana pula kemajuan projek-projek ini boleh tidak terganggu? Jika sebagaimana yang disarankan oleh sebuah mingguan Amerika bahawa “masalah yang paling mendesak” ialah ancaman gerila ditambah pula dengan rasa tidak puashati rakyat Malaysia keturunan China, suatu pandangan yang mirip kepada perkauman, apalagi dengan perkembangan-perkembangan di Indo-China, letupan-letupan di tugu negara dan di berek-berek polis serta pembunuhan ke atas pegawai-pegawai polis — maka sekarang pengganas-pengganas itu tentulah telah berjaya penuh membantut kemajuan projek ini. Walhal mereka itu cuma beberapa batu sahaja dari sempadan. Tetapi kerja-kerja berjalan lancar dengan penuh kepercayaan diperteguh pula dengan semangat berlumba-lumba di pihak berbagai kumpulan kejuruteraan masing-masing hendak mendahului yang lainnya agar rakyat beroleh kemenangan.

Pada fikiran saya jika kita anggap lain-lain perkara yang berlaku di negara ini dalam konteks kenyataan ini maka akan fahamlah saudara mengapa saya sering berkata bahawa masalah pengganas komunis itu dapat diuruskan, tetapi kita sekali-kali jangan lalai.

● **Mengapa Tan Sri tekankan supaya kita sentiasa jangan lalai? Pada pendapat Tan Sri bagaimanakah kita harus bertindak?**

Saya tekankan ini adalah kerana suatu kesedaran yang tertentu. Saya telah menghabiskan beberapa banyak masa kedewasaan

saya mengkaji faham komunis baik sebagai suatu ideoloji mahupun sebagai suatu cara. Usaha-usaha saya tertumpu kepada menghalusi sistem itu dari segi fungsi-fungsi pengertian di dalam yunit-yunit sistem itu yang berupa suatu kenyataan yang asing langsung dari sistem kita sendiri.

Faham komunis seperti yang saya katakan sebentar tadi adalah suatu ideoloji dan juga suatu cara, dan ia melewati masa dan ruang. Sebagai suatu cara, faham komunis meliputi seluruh spektrum hidup manusia. Keseluruhan kegiatan dari membahagi-bahagikan risalah, menggantung bendera merah di atas binaan yang sedang didirikan hinggalah kepada meletupkan tugu negara, membunuh pegawai-pegawai Polis dan Pasukan Keselamatan, adalah cuma sebahagian dari suatu spektrum. Samada cara yang digunakan itu dengan kekerasan atau tidak dengan kekerasan ia adalah suatu peringkat di dalam spektrum itu. Peperangan adalah suatu perlanjutan dasar. Peperangan dan dasar, mengikut faham komunis, sama sahaja ertinya. Ia umpama kedua-dua belah duit siling iaitu strategi dan kita sekalian adalah terlibat di dalam perhitungan strategi komunis. Segala rancangan dikawal dari pusat dan disesuaikan untuk sekim jangka panjang dan jangka pendek. Mereka akan menggunakan dalih, fitnah, helah saraf, perbuatan khianat, kekerasan yang meningkat diselaraskan dengan perang politik. Komunis tidak mempersamakan perang dengan pertempuran senjata semata-mata. Perang dipertimbangkan dengan perkiraan yang lebih luas lagi.

Dengan sebab pengulas-pengulas berita dan pemberita-pemberitanyalah sendiri maka orang-orang Amerika telah keliru berkenaan Vietnam kerana mereka tidak mengerti apa dia faham komunis dan mereka masih keliru di Kuala Lumpur. Sebuah mingguan Amerika dalam keluaran pertengahan Januari telah mempersamakan kejayaan penganas komunis

dengan “pembunuhan ke atas 60 orang askar Malaysia dalam beberapa bulan lalu”, (sebenarnya 47 telah terbunuh sepanjang tahun 1975, sebilangan besar oleh jerangkap samar dalam operasi cari dan musnah), walhal kepada pengganas komunis itu ini adalah jauh dari kejayaan.

Sebenarnya komunis tidak sedikitpun menganggapnya sebagai suatu kejayaan. Mereka belum dapat menubuhkan satupun pengkalan di Semenanjung Malaysia, yunit-yunit penggempurnya sentiasa diburu oleh Pasukan Keselamatan dan mereka tidak mendapat sokongan dari rakyat. Kegiatan barisan bersatunya tidak beroleh kejayaan, tempat simpan makanan, mesin-mesin cetak, jalan-jalan orang suruhannya dan lain-lain kemudahan asasnya sedang dibinasakan.

Mereka berasa ragu-ragu tentang orang-orangnya sendiri yang mungkin ada di antaranya menjadi ejen Kerajaan. Dan di samping itu pula, pihak Kerajaan telah mencapai suatu kejayaan yang amat besar dalam program pengamanan dalam tempoh tahun 1973—1975 setengah-setengah darinya melibatkan pekerja-pekerja parti berjawatan tinggi. Biar saya sebutkan satu persatu: pengganas terbunuh 157 orang; pengganas yang ditawan 96; anggota musuh yang menyerah diri dan kembali ke pangkuan masyarakat 709; penyokong pengganas dan pekerja bawah tanah yang ditangkap termasuk pegawai-pegawai tingginya 1868.

Tambahan pula pertubuhan pengganas komunis belum dapat membentuk suatu pergerakan bumiputra dan mereka tahu tanpa pergerakan ini mereka tidak akan berjaya.

Dalam perjuangan melawan pengganas-pengganas komunis ini, seseorang itu tidak seharusnya mengukur kejayaan atau kegagalan dari segi bilangan anggota yang gugur

Apa yang lebih penting ialah kebolehan Kerajaan menentralise, memenangi kembali hati rakyat dan mencegah sokongan rakyat kepada penganas komunis. Dalam bidang ini kita telah dapat membendung dan mengurangkan ancaman itu.

● **Saya juga bertanya tadi bagaimanakah kita hendak mengelak supaya tidak berperasaan lalai?**

Maaf saya kerana telah meleret-meleret hingga terlupa akan pertanyaan saudara. Perkara utama ialah kita harus cukup sedar akan erti dan cara-cara faham komunis yang merupakan suatu perjuangan yang tidak akan tamat. Apabila kita tidak mengenali bahaya maka bahaya itu akan terlepas dari pengawasan kita. Elok juga rasanya kalau firma-firma perniagaan, di bawah naungan Kerajaan menganjurkan perjumpaan dan mengadakan seminar-seminar mengenai faham komunis — ideologi dan cara-caranya bukan kerana apa-apa tujuan yang lain tetapi untuk memahami apakah dia faham komunis itu. Tanpa memahaminya mungkin dapat penganas-penganas komunis itu bergerak di hadapan mata saudara sendiri di dalam kilang atau gedung perniagaan saudara. Untuk mengetahui janganlah hendaknya diserahkan bulat-bulat kepada ejensi-ejensi Kerajaan sahaja. Pemimpin-pemimpin politik, pentadbiran dan perniagaan hendaklah melindungi diri mereka dari teknik-teknik Freudian seperti itu untuk menimbulkan perasaan menyalahkan diri sendiri. Kita semua mestilah belajar cara menguruskan sesuatu persengketaan yang berlarutan tanpa hilang kepercayaan kepada nilai-nilai kita sendiri dan kepada sumber alam serta tenaga-tenaga nasional kita.

Selalunya kita hanya bertindak balas terhadap cabaran-cabaran penganas komunis. Kita seharusnya bertindak lebih

dahulu dan sentiasa mengambil daya utama sepanjang masa. Itulah sebabnya jika saudara baca surat khabar saudara dapati polis menjalankan tindakan di kawasan-kawasan sasaran hampir setiap hari.

Saya juga percaya kita mesti mengurangkan birokrasi dan pegawai-pegawai pentadbir kita hendaklah mempunyai daya utama yang lebih lagi dari sekarang dalam menerima tanggungjawab. Misalnya, cuma beberapa minggu yang lalu saya berada di Changloon, salah satu pintu masuk yang sah ke Malaysia dari Thailand. Saya nampak ada tiga orang warganegara Bangladesh berdiri resah sahaja rupanya di pejabat imigresen itu. Mereka ditahan tidak dibenarkan masuk kerana, menurut pegawai-pegawai di situ, mereka tidak mempunyai jumlah wang yang minima yang diperlukan untuk tinggal selama dua minggu di negara ini. Saya menyoal orang-orang yang bersedih ini dan bertanya jika mereka ada sesiapa di Pulau Pinang untuk menjamin mereka. Apabila mereka memberikan nama orang itu kepada saya, pegawai imigresen Pulau Pinang pun dihubungi dengan talipon dan dalam masa beberapa minit sahaja suatu jaminan telah diperolehi dan merekapun dapat masuk. Selain dari birokrasi yang tidak luas pandangan, pengemukaan dasar-dasar Kerajaan secara tidak seimbang dan penyampaian yang berat sebelah dengan rakyat juga akan menimbulkan masalah.

Pada pihak Kerajaan, Polis akan terus berwaspada terutama sekali dalam membaharukan cara dan organisasi dalam menghadapi cabaran-cabaran baharu. Kita telah mula membuat beberapa perubahan pada segi organisasi dan akan terus berbuat demikian. Apabila saya kata kita tidak sayugia lalai, saya juga memikirkan pegangan kuat kita terhadap kebebasan melahirkan pendapat. Kebebasan berbahas tidak syak lagi amatlah berguna dalam perkara-perkara lain, tetapi

jika seseorang itu benar-benar mengetahui akan faham komunis baik sebagai suatu ideoloji mahupun sebagai suatu cara maka ia akan sedar bahawa sesuatu perbahasan itu akan mengurangkan kemampuan pucuk pimpinan dalam memerangi bahaya besar itu. Perbahasan-perbahasan umum sering memberikan panduan kepada musuh atas perasaan rakyat dan juga suatu kesempatan untuk menanamkan semangat bagi meracuni pemikiran rakyat. Dalam hubungan ini ahli-ahli politik, pegawai-pegawai pentadbir dan penulis-penulis serta juru-juru ulas berita haruslah menjalankan tugas dengan lebih banyak menggunakan budi bicara dan kebijaksanaan.

Pendeknya, cara mengelakkan sikap jangan lalai adalah dengan berfikir secara konsepsi supaya seseorang itu dapat mengetahui faktor-faktor yang terpencil dan tidak diketahui umum lalu merencanakannya menjadi sesuatu yang penuh bermakna; menerima kenyataan cara pendekatan komunis dan dari itu bertindak sewajarnya terhadap cabaran bahawa perjuangan komunis tidak kunyung tamat sehingga mereka telah beroleh kemenangan; mempunyai bicara yang cukup untuk bertindak segera dan tegas menghadapi sebarang tanda ancaman; dan oleh kerana ini adalah suatu peperangan rakyat melawan suatu sistem asing yang bertentangan dengan sistem nilai kita maka peperangan itu adalah meliputi semuanya dan tiap-tiap peperangan itu ialah suatu perjuangan yang diselaras untuk menawan hati, pemikiran dan juga untuk perut.

- **Adakah Tan Sri menganggap dasar anti-penggunaan komunis Kerajaan itu sebagai tidak sejajar dengan dasarnya menubuhkan hubungan persahabatan dengan negara-negara komunis?**

Tidak ada pertentangan sedikit juapun dan Kerajaan-Kerajaan yang berkenaan faham akan hal itu. Kita tidak pernah menen-

tang sebarang negara semata-mata kerana negara itu telah memutuskan untuk mempunyai sebuah Kerajaan yang berbentuk komunis. Itu adalah terpulang kepada pilihan rakyatnya. Sesungguhnya kita ingin bersahabat dengan semua negara yang hendak bersahabat dengan kita. Ini telah menjadi dasar kita selama ini semenjak merdeka. Sungguhpun begitu kita tidak akan membiarkan apa jua angkara dari sebarang negara yang mengganggu halehwal dalam negeri kita dan sistem nasional kita. Kita mestilah mempunyai fikiran yang waras untuk membezakan hubungan antara negara dengan hubungan yang bercorak ideoloji. Kita tidak berhajat ke arah hubungan ideoloji dengan pihak komunis.

Beberapa bulan yang lalu waktu saya menjadi Pemangku Menteri Luar saya dapat tahu bahawa Parti Komunis China telah mengirinkan suatu perutusan tahniah kepada apa yang dinamakan PKM bersempena dengan suatu hari ulangtahun. Dengan serta merta Wisma Putra telah di arah menghantar surat bantahan kepada Kedutaan negara itu meminta penjelasan mengapa telah dilakukan campurtangan dalam urusan rumahtangga kita. Apabila telah dijelaskan kepada kita bahawa perutusan tersebut bukannya campurtangan Kerajaan tetapi adalah suatu perhubungan secara persaudaraan antara dua parti maka kita telah mengingatkan mereka bahawa suatu jaminan tegas tidak campurtangan telah diberikan oleh Pengerusi Parti Komunis itu kepada Pengerusi Barisan Nasional. Jelas sekali ini bukanlah perutusan antara Kerajaan dan Ketua Kerajaan. Jika ada keinginan yang luhur hendak mendirikan hubungan baik antara kedua negara dan bangsa maka campurtangan seumpama itu mestilah dihentikan. Semenjak itu tidaklah ada kedengaran apa-apa lagi dan saya harap pegawai rendah di Ibu Pejabat Parti yang telah menjadi kebiasaan kepadanya mengirinkan perutusan menurut senarai



dalam kalendar tanpa mengkaji akibatnya itu tidak dihukum berat sangat atas kesalahan pertama kali yang dilakukannya terhadap kita. Saudara tahu, kita hendak benar melihat hubungan antara negara itu berkembang tanpa dinodai dengan soal-soal ideologi.

- **Tan Sri telah menerangkan pendapat Tan Sri atas keadaan keselamatan. Adakah Tan Sri hendak membuat ulasan selanjutnya bersabit dengan suasana pelaburan?**

Saya dukacita berkata bahawa Kuala Lumpur adalah sebuah kilang khobar angin. Ramai pemberita, terutamanya mereka yang berkhidmat dengan akhbar asing, menjadi ahli sains yang pandai mengada-adakan sesuatu. Sebenarnya masyarakat Kuala Lumpur ghairah benar dengan "khabar angin". Pelabur-pelabur, samaada dari dalam negeri ataupun dari seberang laut, sering kali membuat kesimpulan mengenai kita dengan berpandukan khabar-khabar angin yang tersebar sekeliling Kuala Lumpur dan kadang-kadang tersiar dalam akhbar-akhbar dalam dan luar negeri. Dan khabar-khabar angin juga digunakan untuk memuaskan nafsu penyebar-penyebar khabar angin ini yang menggunakan pasaran saham bukannya sebagai jentera pelaburan tetapi sebagai meja perjudian.

- **Mengapakah Kuala Lumpur demikian keadaannya dan tidakkah ini memberi erti bahawa Kerajaan tidak memberi penjelasan yang wajar atas keadaan yang sebenarnya?**

Saya fikir kita tidak ada masa dan ruang untuk membincangkan dengan panjang lebar sebab-sebab maka khabar-khabar angin menyelubungi Kuala Lumpur. Mungkin salah satu sebabnya ialah cuma segelintir sahaja dari penduduk di

Kuala Lumpur ini berakar-tunjang di sini dan dengan kerana itu mereka mempunyai suatu falsafah hidup iaitu bersifat tidak menetap. Dalam cara hidup seumpama ini lazimnya terdapat perasaan tidak terjamin dan bila ada perasaan tidak terjamin maka orang itu mudah terpengaruh oleh khabar-khabar angin. Jadi, janganlah salahkan Kerajaan semata-mata; kita semua harus memikul salahnya. Hanya di Kuala Lumpur sahaja orang membaca di dalam akhbar berita mengatakan sebuah jambatan di Bentong telah diletupkan, seolah-olah oleh penganas, walhal sebenarnya kerosakan itu adalah akibat letupan yang disebabkan oleh seorang budak yang bermain dengan suatu alat peletup.

● **Adakah apa-apa jalan agar perkara ini dapat diperbetulkan?**

Biarlah saya timbulkan kembali pertanyaan saudara yang pertama tadi, berkaitan dengan kepercayaan dalam lapangan perniagaan dan oleh itu saya akan menumpukan perkara khabar angin yang menjadi-jadi di Kuala Lumpur ini dalam hubungannya dengan kepercayaan dalam lapangan perniagaan. Pada fikiran saya ibu pejabat syarikat-syarikat perniagaan dalam atau luar negeri tidak seharusnya bergantung bulat-bulat kepada lapuran-lapuran akhbar dan lapuran pegawai-pegawai eksekutif rendahnya tanpa membuat sedikit sebanyak pemastian atas fakta-fakta ini dan atas syarikat yang dilapurkan oleh penulis-penulis itu.

Saya telahpun mengulas tentang kecenderungan setengah-setengah pemberita yang sering kali tidak faham akan latar-belakang berita yang berkenaan dan dari itu mereka tidak mempunyai pandangan yang betul. Jika maklumat itu diperoleh dari bar di hotel atau di majlis-majlis cocktail maka maklumat itu pula bergantung kepada siapa yang mem-

berikannya. Adakah si pemberi itu seorang diplomat? Seorang China, Melayu atau India? Adakah ia menyokong atau menentang dasar Kerajaan, seorang ahli politik dalam Kerajaan atau adakah ia berjawatan tinggi atau seorang penyokong Kerajaan atau adakah ia rapat dengan pucuk pimpinan, seorang pegawai Kerajaan dan sebagainya. Saudara akan dapati bahawa tafsiran yang dibuat akan berbeda-beda bergantung kepada siapa yang bercakap itu.

Saya fikir kita dapat mengatasi setengah-setengah dari kesulitan ini jika, misalnya, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia mahu menubuhkan suatu unit penerangan untuk berkhidmat sebagai pusat penjelasan atas pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh para pelabur. Saya sedia untuk bekerjasama dengan menyediakan perhubungan supaya penerangan yang biasanya tidak disiarkan boleh diberikan secara sulit atas permintaan. Ibu-ibu pejabat boleh menggunakan unit tersebut sebagai suatu alat untuk memastikan kembali sebarang maklumat, dan pegawai-pegawai eksekutif muda tidaklah payah menggunakan hubungan cocktailnya sebagai sumber yang layak dipercayai.

● **Ini nampaknya suatu saranan yang baik dan kita telah-pun membincangkan banyak perkara. Adakah apa-apa pendapat yang lain, Tan Sri?**

Nampaknya saudara telah letih tetapi percayalah apa yang telah saya perkatakan itu belumlah cukup lengkap lagi. Sungguhpun begitu, saya akan buat ulasan saya seberapa ringkas yang boleh. Izinkan saya menyarankan bahawa pelabur-pelabur dari negara-negara asing hendaklah datang sendiri atau menghantar pegawai tingginya melawat pelaburannya di Malaysia, sekurang-kurangnya sekali dalam delapan

belas bulan, untuk membuat penilaian di sini dan bercakap dengan pegawai-pegawai yang benar-benar berkenaan; pertemuan dengan mereka boleh diaturkan. Ini akan membetulkan maklumat yang berpunca dari khabar-khabar angin.

Suatu perkara yang boleh menolong pihak Kerajaan dan pelabur ialah jika pegawai-pegawai eksekutif baharu yang ditempatkan di Malaysia diharuskan mengikuti suatu kursus orientasi mengenai Dasar Ekonomi dan sebagainya. Dr. Mohd. Nor, bekas Ketua Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, di Jabatan Perdana Menteri, pernah mengadakan seminar-seminar seperti itu hingga kira-kira setahun lalu. Kini kursus itu telah dihentikan. Pada fikiran saya seminar-seminar ini elok diadakan semula dan ahli-ahli perniagaan boleh dapat menemui pegawai-pegawai serta bertukar-tukar pendapat demi kepentingan bersama dan kebaikan negara serta rakyat kita. Pengertian diperlukan dengan banyaknya berkenaan dengan apa yang kita lakukan. Kesilapan-kesilapan, dan ada banyak kesilapan, yang didedahkan secara jujur oleh kedua-dua pihak dengan mudah dapat diperbetulkan. Kepesatan Rancangan Malaysia Ketiga yang saya turut sama menggubalnya akan ditumpukan kepada matalamat yang kait mengait iaitu perpaduan negara dan ketahanan nasional dalamana keselamatan negara menjadi suatu faktor yang penting. Bagi kita pembangunan ekonomi tidak pernah dilakukan untuk maksud pembangunan semata-mata tetapi untuk suatu tujuan yang tertentu. Pengertian atas tujuan ini amatlah penting bagi penyertaan pelaburan sebagai suatu sumbangan ke arah pembangunan negara ini.



Suntingan: Mohd Ghazali Nordin.  
Rekaletak: Bahagian Pengeluaran Visual.  
BK: 020 (R)






PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PUSTAKA  
**PERDANA**  
LIBRARY



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia,  
Kementerian Penerangan dengan ihsan Berita  
Publishing Sendirian Berhad, 31, Jalan Riong, Kuala Lumpur,  
dan dicetak oleh Percecahan Damai Sdn. Bhd.  
96, Taman City, Jalan Kuching, K.L.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA